




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 7 BILANGAN 18

RABU, 19 SEPTEMBER, 1962 (20 Rabiul Akhir, 1382)

PERCHUMA

ALLAH LANJUTKAN USIA D.Y.M.M.

Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Di-Sambut Sa-Chara Besar2an Di-Seluruh Negara

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan, ra'ayat dan penduduk2 Negeri Brunei akan menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, kali yang ke-46 pada 23 September dengan mengadakan perayaan2 sa-chara besar2an di-Daerah2 Brunei-Muara, Tutong, Belait-Seria dan Temburong sa-lama beberapa hari.

Satu istiadat perbarisan akan di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada hari tersebut mulai dari pukul 7.30 pagi.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, akan tiba di-majlis istiadat tersebut pada pukul 8.05 pagi dan di-sambut dengan Tabek Kehormatan Diraja.

Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White akan hadir di-majlis tersebut.

Perbarisan itu akan di-dahului oleh Pasokan Pulis Brunei. Di-antara pasokan yang akan mengambil bahagian ia-lah Pasokan2 Pengakap, Pandu Puteri, Palang Merah, Pegawai2 Kastam dan Pegawai2 Laut.

Pasokan Pancharagam Pulis Brunei akan bermain di-istiadat tersebut.

Pada pukul 10 pagi pula akan diadakan istiadat mengadap di-Pasokan Agong, Istana Darul Hana.

Mulai pukul dua petang hari tersebut akan di-adakan pertandingan perarakan kereta berhias di-keiling Bandar Brunei dan mulai pada masa tersebut juga akan di-adakan temasha sukan di-padang besar di-sini.

Lain2 acara sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Bandar Brunei ada-lah seperti di-bawah ini:

21 September: 7 malam — Pertandingan bola keranjang bahagian wanita di-Kawasan Sukan Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah Menengah Chung Hwa di-Bandar Brunei. 9 malam — Pertandingan bola keranjang bahagian lelaki di-kawasan tersebut.

22 September: 3 petang — Menghakimkan Pameran Lukisan dan Gambar2 di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei. 7 malam — pertandingan bola keranjang bahagian wanita. 9 malam — pertandingan bola keranjang bahagian lelaki. Mulai dari pukul 7 hingga ka-tengah malam — Peraduan berchuchul rumah2 dan bangunan2 sharikat

perniagaan.

23 September: 2 petang — Permulaan peraduan perarakan kereta berhias di-keiling Bandar Brunei. 2 petang — Temasha sukan di-padang besar Bandar Brunei. 4 petang — Upacara pembukaan rasmi Pameran Lukisan dan Gambar2 di-Dewan Kemasharakatan. 7-12 tengah malam — Peraduan berchuchul rumah2 dan bangunan2 sharikat

perniagaan. 7.30 malam — Peraduan perarakan tanglong berjalan kaki bagi sekolah2 dan orang2 dewasa di-ikuti oleh peraduan perarakan kereta berhias. 8 — 11.30 malam di-padang besar Bandar Brunei — (a) Perlawanan gasing di-antara Kampong Sengkurong dan Kampong Tanjong Nangka. (b) Peraduan lawak jenaka dan pakaian beragam. (c) Persembahan nyanyian2, tarian2, tablo, lagu2 Brunei Asli dan lain2-nya oleh belia2 di-Bandar Brunei. (d) Tarian2 jogget moden. (e) Persembahan Panchak silat dan kuntau dan (f) Sandiwara China. Pada malam tersebut juga akan di-adakan peraduan panchak silat dan kuntau di-Istana Darul Hana.



DULI YANG MAHA MULIA MAULANA AL-SULTAN SIR OMAR ALI SAIFUDDIN SA'DUL KHAIRI WADDIN

24 September: 8.30 pagi — 12.30 tengah hari — Perlumbaan perahu di-Sungai Brunei. 9 pagi — 12 tengah hari dan 2 petang — 9 malam — Pameran Lukisan dan Gambar2 di-Dewan Kemasharakatan. (LIHAT MUKA 5)

D.Y.M.M. NASEHAT AHLI2 M.M.D. MENGAMATI BENAR2 DASAR KERAJAAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah mengingati ahli2 Majlis Mashuarat di-Negeri Brunei supaya merenong dan mengamati benar2 akan dasar Kerajaan dalam melaksanakan usaha, chadangan dan pekerjaan terhadap negeri ini.

Baginda bertitah bahawa dengan yang demikian insha Allah dengan usaha2 itu akan menjadi contoh tauladan kepada negeri2 yang lain.

Titah nasehat ini telah di-sampaikan oleh baginda sa-waktu di-hadap oleh 50 orang Ahli2 Majlis2 Mashuarat Daerah yang di-pilih, di-Istana Darul-Hana pada 10 September lepas.

Rombongan yang telah diketuai oleh Tuan Sheikh Azahari bin Sheikh Mahmud, Ketua Umum Partai Ra'ayat Brunei, telah menyebarkan ucapan ta'at setia kepada Seri Baginda.

"Saya sukachita mengingatkan ia-itu apa yang akan saya sebutkan ini saya minta jangan-lah di-jadikan teka teki, dan sila-lah renong dan amati benar2."

"Bahawa dasar Kerajaan dalam melaksanakan usaha, chadangan dan pekerjaan negeri," tegas baginda, "ada-lah terbahagi kepada lima bahagian:

"Pertama ia-lah untuk keamanan negeri; kedua untuk kema'amoran negeri; ketiga untuk memperbaiki nasib negeri; keempat menumpukan kepercayaan kepada satu2 perbuatan, chadangan dan ranchangan yang sama.

"Kelima, yang mana tuan2 sedia faham, satu2 perbuatan atau bagi melaksanakan usaha dan pekerjaan yang kita buat itu, ia-

lah kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam titah itu baginda juga telah menyebut2 nama persarungan baginda sendiri dan nama Menteri Besar, Brunei.

"Mithal-nya," sambongan baginda, "saya membuat atau melaksanakan segala usaha itu, bukan-lah kerana Omar Ali Saifuddin, bukan kerana Marsal bin Ma'un, dan bukan juga kerana Inche Abdul Wahab bin Orang Kaya Setia Negara. Tetapi sa-elok2-nya-lah kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Kemudian baginda telah menyampaikan upahan tahniah kepada ahli2 yang di-pilih oleh ra'ayat, yang akan menduduki kerusi Majlis Mashuarat Daerah, Majlis Mashuarat Negeri, dan Majlis Mashuarat Kerajaan.

Baginda sa-terus-nya berharap dengan kerjasama ahli2 itu dengan pehak Kerajaan akan menambahkan lchin dan baik dalam usaha2 pekerjaan2.

Bekas M.B. Brunei Mengucapkan Terima Kaseh Kapada D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Bekas Menteri Besar Brunei, Yang Dimulikan Pehin Dato Perdana Menteri, Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar telah mengucapkan satinggi2 terima kaseh kapada Ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin terhadap sokongan Baginda kapada beliau semasa beliau menjadi Menteri Besar Brunei.

Dato Seri Paduka Haji Ibrahim yang telah bersara baharu2 ini dari jawatan yang paling kanan sa-kali dalam Kerajaan Brunei telah membuat kenyataan ini dalam satu perutusan-nya untuk mengucapkan terima kaseh kapada semua orang yang bekerja dengan beliau pada masa beliau berkhidmat sa-bagai Menteri Besar Brunei.

Dalam perutusan tersebut Dato Seri Paduka Haji Ibrahim berkata bahawa mustahil-lah baginya untuk menjalankan tugas2 yang berat sa-bagai Menteri Be-



Dato Seri Paduka Haji Ibrahim

sar Brunei yang pertama andainya tanpa mendapat sokongan dan panduan daripada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Dato Seri Paduka Haji Ibrahim juga telah mengucapkan terima kaseh kapada Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White, Ketua2 Jabatan Kerajaan, pemimpin2 masharakat dan lain2-nya kerana memberikan kerjasama kapada-nya.

Beliau berharap agar-nya mereka akan juga memberikan kerjasama yang seperti itu kapada Menteri Besar Brunei sekarang ini, ia-itu Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un.

Sa-waktu menjalankan tugas-nya sa-bagai Menteri Besar Brunei sa-lama hampir2 dua tahun, Dato Seri Paduka Haji Ibrahim telah di-bantu oleh beberapa orang Pegawai Persekutuan Tanah Melayu yang di-pinjamkan untuk berkhidmat di-Negeri Brunei.

Pegawai2 itu, kata-nya, telah menolong usaha2 menyerahkan tanggung jawab kapada Pegawai2 tempatan dengan lancar-nya.

Dato Seri Paduka Haji Ibrahim menamatkan perutusan-nya dengan berdo'a kapada Allah Yang Maha Asa sa-moga Negeri Brunei dan ra'ayat negeri ini akan memperoleh aman dan makmur sa-lama2-nya.

MAJALAH PENGAKAP

BANDAR BRUNEI. — Majlis Pengakap Negeri Brunei akan menerbitkan sa-buah majalah Pengakap mengandungi berita2 dan gambar2 mengenai pergerakan Pengakap di-negeri ini.


Usaha untuk menerbitkan majalah tersebut telah di-serahkan kapada Inche Zain Ariff dalam Meshuarat Agong Tahunan Majlis Pengakap Negeri Brunei yang telah di-adakan di-rumah Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei, Inche P.A. Coates dalam minggu yang lalu.

Guru2 Pengakap, Pengakap2 serta bekas pengakap2 di-seluruh negara ini ada-lah di-jemput untuk mengambil bahagian dalam usaha menerbitkan majalah tersebut dengan menuliskan berita2 yang bersangkutan paut dengan pasokan masing2 serta juga berita2 mengenai sejarah pengakap di-Brunei, dan alamatkan berita2 itu kapada Inche Zain Ariff d/a Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei sa-belum akhir bulan hadapan.

GAMBAR2 PILEHAN RAYA



Sa-bilangan orang ramai yang menyaksikan pekerjaan mengira undi pilehan raya di-bangunan Sekolah Melayu S.M.J.A. pada malam 30 Ogos.



Gambar ini ia-lah satu pemandangan orang2 yang pergi mengundi di-bangunan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada pagi 30 Ogos yang lalu.

DULI2 WAZIR MENGADAP DULI YANG MAHA MULIA

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan seramai 150 orang yang di-ketuai oleh Duli2 Wazir ia-itu Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Istana Darul Hana pada 14 September untuk menyembahkan ta'at setia yang tidak berbelah bagi dan menyokong tegoh terhadap titah Duli Yang Maha Mulia berhubung dengan penerimaan Baginda berkenaan dengan rancangan penubuhan Persekutuan Melayu Raya pada dasar-nya.

Rombongan tersebut yang mengandungi Chateri2, Menteri2, Orang2 Kaya, Dato2, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong dari seluruh Negeri Brunei telah mengadakan satu meshuarat di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei sa-belum mengadap ka-bawah Duli Yang Maha Mulia dan telah mengambil keputusan tersebut dengan sabulut suara untuk menyokong titah Baginda.

Duli Yang Maha Mulia telah mengucapkan terima kaseh atas kedatangan rombongan itu yang telah menyambangkan ucapan ta'at setia dan sokongan mereka serta menerima baik atas keputusan Baginda ia-itu menerima rancangan penubuhan Persekutuan Melayu Raya pada dasar-nya.

Baginda juga telah mengucapkan terima kaseh atas kesedaran

rombongan itu mengenai tanggung jawab mereka sebagai orang2 yang di-kurniai gelaran dan lantikan sa-bagai Penghulu2 dan Ketua2 Kampong.

SHARAHAN UGAMA

BANDAR BRUNEI. — Jawatan anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei pada 21 dan 28 September adalah seperti di-bawah ini:

21 September — Kampong Sabar Darat dan Sekolah Melayu Subok mulai dari pukul 2.30 hingga ka-pukul 4.30 petang.

28 September — Kampong Lorong Sekuna, Kampong Ayer, Brunei dan Kampong Bukit Penggal, Tutong mulai dari pukul 2.30 hingga ka-pukul 4.30 petang.

Majlis Menyampaikan Sijil2 Darjah Dewasa

KATI MAHAR. — Satu majlis menyampaikan sijil2 kapada penuntut2 yang telah lulus belajar di-Darjah Dewasa, peringkat yang pertama, Sekolah Melayu Awang Haji Mohamed Yusof, Kati Mahar telah di-adakan di-bangunan sekolah itu pada petang 8 September.

Sijil2 itu telah di-sampaikan oleh Pengelola, Pelajaran Orang2 Dewasa Negeri Brunei, Inche Umar bin Muhammad.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Inche Umar bin Muhammad, Chegu Abu Bakar

bin Salleh, Guru Besar Sekolah Melayu Kati Mahar; Inche Abdul Ghafar bin Haji Mirhusain dan lain2-nya.

Majlis itu di-tamatkan dengan bacaan do'a selamat oleh Chegu Ja'afar bin Abbas.

Menteri2, Penghulu2 Sokong D.Y.M.M. Menerima Dasar Rancangan Malaysia

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan 25 orang Menteri2 Darat, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Tutong, dengan di-ketuai oleh Penyurat Haji Abu Bakar bin Jambul telah mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan Brunei Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Darul Hana baharu2 ini kerana menyembahkan ucapan sokongan mereka yang kuat dan tegoh terhadap titah Duli Yang Maha Mulia yang menerima rancangan penubohan Persekutuan Melayu Raya itu pada dasar-nya.

Titah ucapan Baginda mengenai rancangan tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei, sa-laku Speaker Majlis Meshuarat itu, pada 18 July, 1962.

Menurut ucapan sokongan itu bahawa berikutan dengan titah ucapan Baginda yang menerima rancangan penubohan Persekutuan Melayu Raya pada dasar-nya, maka Menteri2 Darat, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Tutong serta beberapa orang ra'ayat2 Baginda telah mengadakan satu perjumpaan pada 29 Ogos, 1962 untuk mengkaji dan menghalusi titah ucapan Baginda.

Beliau2 tersebut mendapati bahawa titah ucapan Baginda ada-lah merupakan salah satu dari tanggung jawab yang patut di-pikul dan di-sadari oleh mereka sa-bagai warga negara Brunei.

Ucapan sokongan terhadap titah ucapan Duli Yang Maha Mulia berkata lagi bahawa keputusan Baginda dengan nasehat

Timbalan M. Besar

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, h melantek Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Pengetua Pegawai Hal Ehwal



Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali

Ugama, Negeri Brunei sa-bagai Timbalan Menteri Besar mulai awal bulan ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaluddin bin Duli Pengiran Bendahara Haji Mohamed Yassin, Setia Usaha, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei telah di-lantek memangku jawatan Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei mulai daripada awal bulan ini juga.

Kerajaan Brunei menerima rancangan penubohan Persekutuan Melayu Raya itu pada dasar-nya ada-lah satu keputusan yang bijaksana. Ini akan membolehkan Kerajaan Baginda mengambil bahagian dalam perundingan2 dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan Baginda Queen bagi memelihara hak2 ra'ayat dan negara.

Dengan ada-nya Kerajaan Baginda di-dalam perundingan2 itu nanti, kata ucapan sokongan itu, akan terbuka-lah dengan sa-luas2-nya tabir rancangan penubohan Persekutuan Melayu Raya,

yang pada masa ini masih merupakan teka teki dan membimbangkan ra'ayat negeri ini.

Sa-kurang2-nya perundingan itu akan menghilangkan kekhawatiran yang burok dari negeri2 tetangga di-sekeliling kita supaya mereka tidak menganggap yang Kerajaan Duli Yang Maha Mulia masih memandang beku terhadap so'al penubohan Persekutuan Melayu Raya itu, kata ucapan sokongan tersebut.

Ucapan itu menambah kata bahawa Menteri2 Darat, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Tutong dengan tidak ragu2 lagi menyembahkan ucapan penghargaan yang tidak terhingga atas keputusan Baginda yang menerima rancangan penubohan Persekutuan Melayu Raya itu pada dasar-nya dan mereka menyertai titah ucapan Baginda sa-hingga berjaya.

Wartawan Amerika Siasat Malaysia

BANDAR BRUNEI. — Inche Robert Shaplon, sa-orang wartawan bangsa Amerika telah melawat ka-Brunei baharu2 ini dalam bidang lawatan-nya ka-negeri2 di-Tenggara Asia.

Tujuan lawatan-nya itu, kata Inche Robert, ia-lah untuk mengumpulkan berita berkenaan dengan rancangan penubohan Persekutuan Melayu Raya bagi pehak akhbar "The New Yorker".

Sa-belum tiba di-Brunei, Inche Robert telah pun melawat ka-Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.

Beliau telah berangkat ka-Jess-elton dengan kapal terbang sa-lepas melawat ka-Negeri Brunei sa-lama 24 jam.

Ini-lah kali yang pertama samanjak 10 tahun yang lalu wartawan tersebut melawat ka-Brunei.

Dalam masa Peperangan Dunia Yang Ke-dua, Inche Robert telah berkhidmat sa-bagai sa-orang pemberita peperangan di-kawasan Pasifik. Sa-lepas tamat peperangan ia telah menjadi pemberita akhbar "New York Herald" dan kemudian ia berkhidmat dengan akhbar "The New Yorker".

Sa-belum meninggalkan Brunei, wartawan tersebut berkata bahawa ia sangat tertarik hati melihat bangunan2 yang indah di-negeri ini, seperti Mesjid Omar Ali Saifuddin, Pejabat2 Kerajaan dan Sekolah2.

Bertambah2 pula orang2 yang ia temui sangat-lah peramah dengan-nya dan telah memberikan pertolongan2 yang ia kehendaki dalam masa lawatan-nya ka-Negeri Brunei baharu2 ini, kata-nya.

Sa-lanjut-nya wartawan tersebut berkata bahawa sa-lepas melawat ka-Borneo Utara ia akan melawat ka-Manila untuk mengadakan pertemuan dengan Presiden Philipina Diosdado Macapagal dan Menteri2-nya berke-

PENDITA KA-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan enam orang pelawat dari Hong Kong mengadangi dua orang Pendita Universiti dan empat orang wartawan telah melawat ka-Brunei dengan kapal terbang sa-lama lima hari baharu2 ini. Lawatan itu telah di-anjarkan oleh Sharikat Minyak Shell.

Mereka itu ia-lah Pendita S. Mackay, Ketua Jurutera Universiti Hong Kong; Pendita S.G. Davis, Ketua Jabatan Kaji Bumi dan Ilmu Alam, Universiti Hong Kong; Inche Shun Chui Seng, Pengarah Akhbar Wah Kiyuat Po; Inche Poon Yan Ching, Ketua Pengarah Akhbar Harian Kung Sheung; Inche P.H. McNiar Jones, Pengarah Penyelidik dalam segi kajian ekonomi di-Hong Kong dan Inche Barry, Pembantu Pengarang, Majallah Asia.

Mereka telah melawat ka-kawasan2 telaga minyak di-Seria dan Miri serta juga melawat ka-lain2 tempat di-negeri ini, di-antara-nya ia-lah Mesjid Omar Ali Saifuddin dan kawasan Kampong Ayer.

Sa-lama di-Brunei, para pelawat itu telah menjadi tetamu kepada Sharikat Minyak Shell Brunei.

Pemandangan Hari P. Raya



Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un dan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam kelihatan pada masa melawat ka-tempat membuang undi pilihan raya Majlis Meshuarat Daerah di-Batu 18 jalan Brunei-Tutong pada 30 Ogos yang lalu.



Pemandangan2 pada masa penduduk2 di-Daerah Tutong membuang undi pilihan raya di-bangunan Sekolah Melayu Keriam pada 30 Ogos. Gambar ini sa-benar-nya ia-lah dua pemandangan yang di-satukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei dan Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Brunei juga kelihatan dalam gambar ini pada masa lawatan ka-tempat membuang undi itu.

P.D. BRUNEI MINTA KERJASAMA AHLI2 M.M.D.

BANDAR BRUNEI. — Wa/au pun Majlis Meshuarat Daerah Brunei dan Muara bukan-lah baharu sahaja di-tubuhkan akan tetapi dapat-lah di-tentukan bahawa pada hari Ithnin 10 September, 1962 tercipta-lah satu lambaran sejarah yang baharu dalam daerah tersebut — sejarah yang menuju ka-arrah demokrasi yang di-tunggu2 dan di-chita2kan oleh ra'ayat sekali2an ia itu satu majlis yang mempunyai ahli2 bilangan yang terbesar yang di-pilih oleh ra'ayat untuk faedah dan kepentingan bagi penduduk2 di-daerah tersebut.

Demikian kata Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Inche Abdul Ghani bin Hassan.

Inche Abdul Ghani telah melafkan ucapan tersebut di-majlis pembukaan rasmi Majlis Meshuarat Daerah Brunei dan Muara yang telah di-langsungkan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada pagi 10 September.

Sa-bagai Pengurus Majlis tersebut, Inche Abdul Ghani telah menguchapkan terima kasih kepada Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un yang telah hadir untuk merasmikan pembukaan majlis itu serta juga kepada para hadirin sekalian.

Dalam ucapan-nya Inche Abdul Ghani berkata, "Saya suka mengingatkan kepada tiap2 ahli yang hadir bahawa kuasa2 dan tugas2 Majlis Meshuarat Daerah ini ada-lah termaktub di-bawah bab 20 dari Undang2 Perintah Perlembagaan Majlis Meshuarat Daerah dan Negeri, tahun 1962 yang mana dengan rengkas-nya kuasa2 dan tugas2 itu ia-lah untuk memberi nasehat kepada saya sebagai Pegawai Daerah khas-nya, dan kepada Kerajaan Brunei 'am-nya dalam melaksanakan sebarang perkara mengenai pertad-biran, pekerjaan atau ranchangan atau sebarang perkara yang berthabit dengan kebajikan daerah atau mana2 bahagian di-daerah ini.

"Saya ingin juga menjelaskan

bahawa tidak-lah semesti-nya atau terpaksa nasehat Majlis ini di-

terima atau di-persetujui dengan bulat2 jika ia-nya bertentangan dengan dasar2 Kerajaan yang berperlembagaan.

"Akan tetapi jika sebalik-nya tuan2 tidak berpuas hati atas keputusan2, maka ada-lah di-per-sharatkan dalam Perlembagaan Majlis Meshuarat Daerah ini bahawa tuan2 boleh-lah merayu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar siapa yang mem-

punyai keputusan yang mukta-mad.

"Dengan sebab itu saya berharap tuan2 akan bekerjasama dan memberi saya nasehat yang sewajar-nya begitu juga harapan saya supaya tuan2 akan menghormati fikiran di-antara satu dengan lain dan saling mengerti keadaan masing2 bagi menchukopi sharat2 dalam persidangan yang berdemokrasi."

KERJA2 KOSONG DI-PEJABAT2 KERAJAAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka2 yang berhak di-daftar-kan sebagai ra'ayat Sultan untuk menjalani satu latehan Sekolah Gambar selama 2 tahun di-Sarawak.

Chalun2 mesti-lah sekurang2-nya lulus Form II, rajin dan sanggup membuat segala kerja2 sekolah gambar, termasuk kerja2 di-dalam hutan dan gua2.

Chalun2 terpaksa mengembara melalui hutan2 dengan menggunak-an sungai dan kerap kali akan tidor dalam khemah di-hutan2 atau di-gua2 yang tidak tentu lama-nya.

Ha-nya mereka2 yang tegap, sehat dan berumur di-antara 17 tahun dan 22 tahun sahaja yang akan di-pertimbangkan.

Chalun2 mesti-lah sanggup menerima sebarang perintah dari guru2 mengenai segala kerja2 yang bersangkutan.

Semasa menjalani latehan, chalun2 di-beri alaan sebanyak \$180/- sa-bulan.

Permohonan2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai

Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 1 Oktober 1962.

"DRAUGHTSMAN"

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalun2 yang terdiri dari ra'ayat Sultan atau siapa yang berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk bekerja sebagai "Draughtsman" di-Pejabat Laut, Brunei.

Kelayakan tiap2 pemohon :

(i) Kebolehan membuat pelan2 datar tanah dan lukisan pelabohan2, "lines of soundings" dan lain2 mengikut arahan Pegawai Laut Negara dan dari butir2 yang di-beri.

(ii) Kebolehan untuk mentafsir British Admiralty Notices kepada orang2 pelaut dan membetulkan peta2 laut. Pengetahuan bahasa Inggris mengenai perkara ini ada-lah perlu.

(iii) Pengalaman dalam Pejabat Laut ada-lah di-kehendaki, tetapi tidak mustahak.

Gaji ada-lah dalam tingkatan D(a) 2-3-4-5 \$211 x 9-220 x 10-260x20-280x10-290x20-330.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 13 October 1962.

Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui ketua pejabat masing2.

PEON

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka2 yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan peon di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah berkelulusan darjah VII sekolah Melayu.

Gaji ada-lah dalam tingkatan F.1-2-3-4-5-6 \$143 x 3-158-160-180 x 4-200.

Permohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan Brunei, tidak lewat dari 30 September, 1962.

SIARAN RADIO BRUNEI BAHAGIAN MELAYU

Ranchangan Siaran Radio Brunei bahagian Melayu mulai dari 19 hingga 22 September, ada-lah saperti berikut :—

RABU—19 September, 1962

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian
6.45 Lagu2 Ranchak
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasan Warta Berita
7.05 Pilihan Juru-Hebah
7.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Halaman Perbincangan — (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Rampaian
1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.
7.02 Hiboran
7.15 Hiboran Pancharagam — Penerbit Abd. Wahab Mohd.
7.45 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Oleh Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Cherita Pendek — Penerbit Abd. Wahab Mohd.

8.59 Siaran Melayu Tammat

KHAMIS—20 September, 1962

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian
6.45 Hiboran
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasan Warta Berita
7.05 Perminta'an Sambil Sarapan
7.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Susanah
12.45 Majallah Sain dan Perusahaan — (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.
7.02 Bacha'an Al-Koran
7.15 Kursus Al-Koran—Oleh Tuan Haji Khalidi
7.45 Sharahan Agama
8.00 Lagu2 Masir
8.15 Sejarah Islam
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Tafsir Al-Koran—Oleh Ustadz Salleh Haji Abdul Majid
8.59 Siaran Melayu Tammat

JUMA'AT—21 September, 1962

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian
6.45 Lagu2 Kronchong
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasan Warta Berita
7.05 Pilihan Juru-Hebah
7.30 Rehat
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Bacha'an Al-Koran
9.30 Pelajaran Agama Di-Udara Jamatul Anashid—Pimpinan Abd. Kadir Awang
10.15 Rengkasas Warta Berita
10.20 Hiboran
10.29 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Mimbar Islam—Sembahyang Juma'at Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, selepas itu di-ikuti Dengan Lagu2 Masir
1.30 Rehat
1.45 Hiboran Penutup
2.00 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Sandiwara Radio — Penerbit Abd. Wahab Mohd.
8.00 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Oleh Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta

Berita

8.45 Hiboran Akhir

8.59 Siaran Melayu Tammat

SABTU—22 September, 1962

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian
6.45 Lagu2 Joget
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasas Warta Berita
7.05 Perminta'an Sambil Sarapan
7.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Asohan Wanita — (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Rampaian
1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.
7.02 Lagu2 Hiboran
7.15 Majallah Melalui Udara — Rakaman VOA
7.45 Tanpa Nyanyian
8.00 Lagu2 Hiboran
8.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Malam Ahad
8.59 Siaran Melayu Tammat
Berita

M.B. Harap M.M.D. Sa-Bagai Dewan Nasehat D.Y.M.M.

Perundingan Aman

BANDAR BRUNEI.—Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei telah mengishtiharkan dengan rasmi-nya pembukaan keempat2 Majlis Mashuarat Daerah di-negeri ini di-pekann2 daerah masing2 minggu lepas.

Majlis2 Mashuarat Daerah itu telah di-buka dengan rasmi-nya pada tarikh yang berikut:

- ◆ Brunei-Muara — pada 10 September,
- ◆ Tutong — pada 12 September,
- ◆ Belait — pada 12 September dan
- ◆ Temburong — pada 13 September.

Sa-belum mengishtiharkan pembukaan majlis meshuarat tersebut, Dato Setia Marsal telah menyampaikan ucapan beliau dalam upacara2 itu.

Antara lain Dato Setia Marsal berkata:

Saya berharap dan berdo'a ar majlis ini akan menjadi satu perundingan yang aman damai, saling mengerti dan hormat menghormati di-antara satu sama lain.

Dengan jalan ini-lah sahaja tuan2 akan dapat satu kesimpulan atau keputusan yang saksama untuk menchapai dalam melaksanakan tugas2 dan kewajipan tuan2 di-majlis ini.

Saya suka mengatakan bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sentiasa dengan sukachita akan menimbangkan segala nasehat daripada tuan2 asalkan nasehat itu dapat membuktikan fa'edah dan kepentingan orang ramai dan tidak bertentangan dengan dasar2 kerajaan.

Maka dengan itu, sa-belumnya tuan2 menasehatkan kerajaan dalam segala perkara, tuan2 hendaklah berfikir lebeh dalam dan membayangkan akibat2 yang akan terjadi di-atas segala nasehat dan sokongan tuan2 itu sama ada mendatangkan faedah atau keburukan, kerana jika sokongan tuan2 itu di-terima oleh Kerajaan sebarang akibat-nya akan

melibatkan penduduk daerah ini. Terdahulu dari itu pengerusi2 tiap2 Majlis Mashuarat Daerah telah melafadzkan ucapan masing2.

Mereka berharap sa-muga ahli2 akan bekerjasama dengan kerajaan demi kepentingan daerah masing2 khas-nya dan Brunei 'am-nya. Mereka juga menyeru supaya nasehat2 yang akan di-kemukakan kepada pihak kerajaan itu jangan-lah hendak-nya bertentangan dengan dasar kerajaan.

Jawatan Kosong

Permohonan2 adalah di-jemput bagi jawatan Pekerja Kebajikan Masharakat di-Pejabat Kebajikan Masharakat Negeri, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-dapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendaklah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 26 Sept., 1962.

P.J.T. MENYAMPAIKAN PINGAT2 KURNIAAN BAGINDA QUEEN

BANDAR BRUNEI. — Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White telah menyampaikan pingat2 bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Eliza-

beth kepada dua orang pegawai kanan Pasokan Pulis Negeri Brunei.

Pegawai2 kanan pulis tersebut ia-lah Pesuroh Jaya Pulis Negeri Brunei, Inche A.N. Outram dan Inche David Saint John Forrer.

Inche Outram telah di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen pada Hari Jadi Baginda tahun ini dengan PINGKAT PULIS BAGINDA QUEEN, manakala Inche Forrer pula telah di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan PINGAT PULIS TANAH2 JAJAHAN.

Upacara menyampaikan pingat2 tersebut telah di-adakan di-Rumah Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei pada petang hari Jumaat yang lalu dan di-saksikan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.

Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan pakar2 ekonomi dari Negeri Jepun dijangka akan melawat ka-negeri ini dari Jesselton esok dengan kapal terbang dan berangkat ka-Kuching pada 21 September.

Dalam masa lawatan tersebut, pakar2 ekonomi itu akan mengadakan pertemuan dengan Pesuroh Jaya Perkembangan Negeri Brunei, Inche Sa'ad bin Marzuki; Penasehat Ekonomi Bangsa2 Bersatu di-Brunei, Doktor J.S. Gould dan Pegawai2 Sharikat Minyak Shell Brunei.

sharakatan terbuka kepada orang ramai. 4 petang — Pertandingan akhir sepak raga jaring kerana merebutkan perisai2 kejohanan sepak raga jaring sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bertempat di-kawasan bangunan Pejabat2 Kerajaan 7 — 12 tengah malam — Peraduan berchuchul rumah2 dan bangunan2 sharikat2 perniagaan. 7.30 malam — Peraduan perarakan kenaikan laut di-Sungai Brunei. 8 — 11.30 malam di-padang besar Bandar Brunei — (a) Persembahan Anika Warna oleh Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam berupa nyanyian2, tarian2, tablo dan lain2-nya. (b) Tarian2 joget moden. (c) Persembahan Panchak silat dan kuntau dan (d) Sandiwara China.

25 September : 4 petang — 9 malam — Pameran Lukisan dan Gambar2 di-Dewan Kemasharakatan. 8 — 11.30 malam di-padang besar Bandar Brunei — (a) Persembahan oleh Persatuan Asterawani Pekan Brunei dan Pemuda Pemuda Kampong Ayer berupa nyanyian2, tarian, tablo dan lain2. (b) Tarian2 poget moden dan (c) Persembahan panchak silat dan kuntau.

26 September : 8 — 11.30 malam di-padang besar Bandar Brunei — (a) Persembahan nyanyian2, tarian2, lawak jenaka dan lain2. (b) Persembahan panchak silat dan kuntau.

Perayaan sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana di-Bandar Brunei akan tamat pada malam 26 September dengan mengadakan upacara menyampaikan haberbagai2 peraduan bertempat diah2 kepada pemenang2 dalam di-pentas Anika Warna di-Padang Besar di-sini.

PERTUNJOKAN PERTANIAN

BANDAR BRUNEI. — Pertunjukan Pertanian Kali Yang Ke-16 akan di-adakan di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah pada hari Sabtu 29 September.

Berbagai2 jenis hasil perusahaan pertanian, pertukangan dan kerajinan tangan di-negeri ini akan di-pamerkan di-temasha tersebut.

Sa-lain dari hasil mahsul dalam negeri ini, sebahagian besar dari barang2 yang akan di-pertunjukan itu ia-lah alat2 jentera pertanian dan barang2 perusahaan yang di-jual oleh sharikat2 perniagaan.

Sharikat Minyak Shell Brunei yang juga akan mengambil bahagian dalam pertunjukan tersebut, akan menerangkan kepada orang ramai chara2 mengeluarkan minyak dari perut bumi.



Gambar2 atas dan bawah ia-lah pemandangan2 di-majlis mengurniakan pingat2 tersebut. Atas: Inche Outram; Bawah: Inche Forrer.

SA-KALI BERJAYA—TETAP BERJAYA

—Kata Pengiran Haji Abdul Rahman

KUALA BELAIT. — Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei telah merasmikan pembukaan Majlis Meshuarat Daerah Belait pada petang 12 September. Sa-belum Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal memberi ucapan, Pegawai Daerah Belait, Yang Berhormat Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah berucap di-majlis itu.

Dalam ucapan-nya, Pengiran Haji Abdul Rahman berkata bahawa sa-sunggoh2-nya dari semenjak hari kuat kuasa pemilehan raya di-mulakan sa-hingga semporna pekerjaan memilih dan menentukan chalun2 yang menang, keadaan suasana di-tiap kawasan pemilehan di-Daerah Belait ada-lah memuaskan dan mendapat perhatian yang menarik kepada pelawat2 luar.

"Bagi saya kesempurnaan pekerjaan yang telah kita laksanakan itu," kata beliau, "ada-lah berkat kerjasama dari tuan2 dan

ra'ayat serta penduduk2 di-daerah ini. Demikian-lah hendak-nya sa-suatu hasil yang kita chapai dengan muafakat dan kerjasama ada-lah halal dan di-nikmati bersama dengan kerian dan kesukaan yang ta' putus2 demikian pula sa-balek-nya jika kita chapai dengan kekerohan dan suasana yang ta' di-ingini, maka hilang-lah nikmat dan keridzaan Tohan sa-panjang masa di-dalam dukacita dan kerugian."

Lebeh lanjut Pengiran Haji Abdul Rahman menegaskan bahawa. "Se-kali berjaya kita tetap

akan beroleh kejayaan. Maka saya berharap kepada ahli2 Majlis Daerah ini supaya akan tetap dan kekal menjaga nama baik dan memegang kukuh kehormatan dari hasil2 pekerjaan yang telah kita sempurnakan.

"Sa-telah kita di-hanyutkan oleh Pilehan Raya maka sekarang kita terdampar di-pantai kesempurnaan dengan selamat, maka saya berseru kepada sa-tiap chalun dan ahli yang berkaitan supaya memulehkan perasaan perdamaian berma'af2an menyempurnakan dasar ke-Islaman saperti kata hikmat :

Jika kita sesat di-jalan sa/ah, segera-lah kembali ka-jalan Allah. Jika kita karam diayer keroh, segera-lah mandi ka-ayer jerneh. Sa-baik2 pemimpin ra'ayat ia-lah orang2 yang lekas menyedari dan menginsafi sa-suatu yang akan meru-

gikan. Maka kembali-lah kepada perasaan sedia kala.

Pengiran Haji Abdul Rahman telah mengingatkan kepada Ahli2 Majlis Meshuarat Daerah Belait tersebut bahawa mereka yang telah di-pilih dan terpilih duduk di-dalam Majlis tersebut bukanlah wakil sa-bahagian ra'ayat yang memilih mereka. Mereka ada-lah wakil saluroh ra'ayat dan penduduk. Dari itu, jika mereka melakukan perasaan pertimbangan dan keputusan, hendak-lah mereka lupakan perasaan kapartian supaya keputusan yang di-lakukan akan saksama dan adil itu agar membawa nikmat kepada seluroh ra'ayat dan negara.

Ketika menamatkan ucapan-nya Pengiran Haji Abdul Rahman telah menguchapkan shukur dan berbesar hati kerana kehadiran Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal untuk mengisytiharkan pembukaan rasmi Majlis Meshuarat Daerah Belait itu dan sa-moga perisytiharan beliau it akan memberi kesan2 dan naseh yang akan menjadi pandu jala perundingan yang Ahli2 Majlis Meshuarat itu akan menyempurnakan kelak.

M.B. MERASMIKAN PEMBUKAAN M.M.D. TUTONG

TUTONG. — Majlis Meshuarat Daerah Tutong telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un pada pagi 12 September, 1962. Istiadat bersumpah bagi Ahli2 Majlis Meshuarat Daerah itu telah di-langsungkan, enam hari terlebih dahulu.

Pegawai Daerah Tutong, Yang Berhormat Pengiran Ahmad bin Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamed Yassin, sa-laku Pengurus Majlis Meshuarat itu telah memberi ucapan sa-belum beliau menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei untuk merasmikan pembukaan Majlis Meshuarat Daerah tersebut.

Dalam ucapan-nya, Pengiran Ahmad telah menerangkan bahawa Majlis Meshuarat Daerah Tutong yang pertama telah di-tubuhkan dalam tahun 1954 dan semua ahli-nya itu telah di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan. Tugas Majlis Meshuarat Daerah itu, baik yang dahulu, mahu pun yang sekarang ini, ia-lah semata2 menasihatkan kepada Kerajaan dan mengshorkan langkah yang patut di-jalankan oleh Kerajaan.

"Dalam pada itu pun telah banyak-lah shor2 dan chadangan2 yang telah di-kemukakan oleh Ahli2 itu di-dalam lapangan kemajuan dan lain2 bagi faedah penduduk2 di-daerah ini khas-nya dan bagi seluroh Negeri Brunei 'am-nya. Di-atas chadangan ahli2 itu, kita sa-patut-nya memberi tahniah dan ingatan kerana telah banyak fikiran dan chadangan yang membina," kata Pengiran Ahmad.

Beliau berkata lagi, "Maka dengan tertuboh-nya Majlis Meshuarat yang baharu ini yang sa-bahagian besar daripada ahli2-nya telah di-pilih oleh penduduk2 daerah ini sendiri, maka harapan dan kepercayaan ada-lah di-letakkan oleh penduduk2 kepada tuan2 sekalian. Dari itu saya berharap, sa-bagai Pengurus kerana jawatan, yang tuan akan mempunyai fahaman yang baik

serta berharap atas saling mengerti, bekerjasama dan nasehat2 yang akan tuan2 beri kepada saya.

"Negeri kita pada masa ini ada-lah menghadapi perkembangan yang sedang berjalan dan termasuk-lah perkembangan sia-sah bagi menasihatkan keadaan zaman.

"Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Matulan Al-Sultan telah pun berazam supaya memberi peluang kepada ra'ayat-nya mengambill bahagian di-dalam pentadbiran negeri. Ini telah pun dibuktikan dengan mengadakan suatu chara Pilehan Raya bagi memilih wakil2 dengan bebas-nya dan chara sa-macam ini akan berjalan sa-terus-nya. Pada

pendapat saya dengan chara inilah penduduk sekalian akan berpuas hati kerana wakil2 itu di-pilih oleh mereka sendiri. Inilah chara yang baik sekali."

Pemangku P.D. Temburong Menguchapkan Terima Kaseh Kepada M.B.

TEMBURONG. — Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Besar bin Pengiran Kula berkata di-upacara pembukaan rasmi Majlis Meshuarat Daerah Temburong yang telah di-langsungkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei pada hari Khamis yang lalu bahawa beliau percaya dan yakin Ahli2 Majlis Meshuarat itu yang telah di-pilih oleh ra'ayat di-Daerah Temburong sendiri tidak akan mengabaikan harapan mereka untuk bekerjasama dengan lebeh erat lagi dengan Kerajaan bagi kebaikan, kema'moran dan ketenteraman ra'ayat di-dalam daerah itu khas-nya dan seluroh Negeri Brunei yang di-kasehi 'am-nya.

Pengiran Besar juga berharap bahawa di-dalam persidangan2 Meshuarat akan datang akan berjalan dengan elok dan sempurna menurut sa-bagaimana peratoran2 Meshuarat untuk me-

ninggikan mutu Majlis Meshuarat Daerah Temburong dan untuk kebahagiaan Kerajaan K. bawah Duli Yang Maha Mul. Maulana Al-Sultan dengan kejujuran Ahli2 Majlis Meshuarat serta kecekapan berfikir yang luar biasa dan bijaksana pula bagi membincangkan satu2 perkara.

"Mengikut sa-bagaimana pengakuan yang telah tuan2 buat di-dalam Bab 12 di-dalam Undang2 Majlis Meshuarat Daerah tahun 1962 maka dengan yang demikian mudah2an dengan izin Tuhan, kita akan mendapat kejayaan daripada Kerajaan, apa yang kita bermaksud untuk faedah ramai," kata-nya.

Pemangku Pegawai Daerah Temburong itu telah menguchapkan terima kaseh yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei yang telah bermurah hati untuk membuka dengan rasmi-nya Majlis Meshuarat Daerah Temburong pada hari itu.

Beliau juga berharap kepada Ahli2 Majlis Meshuarat Daerah Temburong supaya mengikut apa2 umamat beliau untuk menjadikan pedoman dan tauladan mereka bersama.



Dalam keluaran yang lalu kita telah menyiarkan gambar sa-bilangan orang kerani mengira undi pilehan raya sedang mengangkat sumpah. Dalam gambar ini pula kelihatan anggota2 pilehan raya sedang membuat pekerjaan mengenai pilehan raya di-Pejabat Pilehan Raya beberapa hari sa-belum di-adakan pilehan raya itu.

PERLUMBAAN BERJALAN KAKI

BANDAR BRUNEI. — Satu temasha perlumbaan berjalan kaki sa-jauh 17 batu untuk orang2 dewasa lelaki dan kanak2 lelaki dari Pekan Muara ka-Bandar Brunei dan sa-jauh 8½ batu dari Sungai Hanching ka-Bandar Brunei untuk wanita2 akan diadakan pada 28 Oktober hadapan di-bawah anjoran Persatuan Tinju Negeri Brunei.

Perlumbaan untuk orang2 dewasa lelaki di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu bahagian orang2 tua yang berumur 40 tahun ka-atas dan bahagian "Senior" untuk mereka yang berumur dari 16 tahun ka-40 tahun, manakala bahagian "junior" ia-lah untuk kanak2 lelaki yang berumur 16 tahun ka-bawah.

Umur untuk para peserta wanita tidak-lah di-hadkan.

Selain dari itu, perlumbaan tersebut juga akan terbuka kepada pasokan2 yang mempunyai 10 orang dalam tiap2 bahagian tersebut dan hadiah2 juga akan di-berikan kepada pasokan2 yang berjaya.

Bayaran masuk berlumba untuk tiap2 peserta bahagian orang2 dewasa dan wanita2 ia-lah saringan dan bayaran untuk kanak2 ia-lah lima puluh sen sa-orang.

Peserta2 hendak-lah menghantarkan permohonan masing2 me-

ngandongi nama penoh, umur dan alamat tidak lewat dari 15 Oktober, 1962 kepada salah sa-orang yang di-sebutkan di-bawah ini:

Setia Usaha Persatuan Tinju Negeri Brunei, Inche S. Palaniandy, d/a Jabatan Elektrik, Bandar Brunei. Inche Chua Kong Heng, d/a Pejabat Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Jalan Sultan, Bandar Brunei atau pun Inche J. Allen, d/a Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell di-Seria.

SUKAN HARI KEPUTERAAN D. Y. M. M.

BANDAR BRUNEI. — Satu temasha sukan akan di-adakan di-padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam. Bandar Brunei pada petang 23 September sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Acharya2 yang akan di-jalankan di-temasha sukan itu ada-lah sama saperti temasha sukan sambutan Hari Ulang tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia pada tahun yang lalu.

SUKAN SEKOLAH2 MELAYU BAHAGIAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei-Muara, Inche Abdul Ghani bin Hassan telah membuka dengan rasmi pertandingan sukan Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua, di-padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada petang hari Ahad 9 September.

Pertandingan sukan itu di-mulai pada pukul satu petang dengan upacara berlari di-keliling padang sambil membawa bendera kejohanan sukan tersebut oleh sa-orang wakil dari Sekolah Melayu Berakas yang telah menjadi johan dalam tahun 1961.

Upacara pembukaan temasha sukan itu di-ikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negeri Brunei dan bacaan Ikrar Sukan.

Keputusan pertandingan sukan itu ia-lah saperti berikut:

1. Sekolah2 Melayu di-Jalan Tutong — 132 mata. 2. Seko-

lah2 Melayu di-Jalan Muara — 120 mata. 3. Sekolah2 Melayu di-Sungai Brunei — 61 mata dan 4. Sekolah2 Melayu di-Kuala Brunei — 34 mata.

Beberapa orang Kerajaan telah menyampaikan hadiah kepada peserta2 yang berjaya dalam tiap2 bahagian pertandingan, sa-baik sahaja selesai pertandingan itu.

Hadiah2 kejohanan pertandingan sukan itu dan beberapa lagi hadiah yang khas telah di-sampaikan oleh Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Inche Malcolm MacInnes.

HOKEY:

Daerah Brunei Mengalahkan Daerah Belait

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei telah menyampaikan perisai sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kepada Pasokan Hokey Daerah Brunei sa-dikit hari dahulu sa-telah pasokan itu mengalahkan Pasokan Hokey Daerah Belait dengan 4 gol berbalas satu, di-padang Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Perisai tersebut ada-lah di-hadiahkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra

Dato Paduka Mohamed bin Pengiran Piut untuk pasokan yang menang dalam pertandingan hokey di-antara Daerah Brunei dan Daerah Belait pada sa-tiap tahun sa-masa di-adakan sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Zainuddin Marsal telah menjaringkan ke-empat2 gol yang di-dapati oleh pasokan hokey Daerah Brunei, manakala gol yang tunggal di-dapati oleh pasokan hokey Daerah Belait itu telah di-jaringkan oleh Christopher Koh.

Semanjak perisai itu di-pertandingkan tiga tahun dahulu, pasokan hokey Daerah Belait telah memenangi sa-lama dua tahun berturut2 dan ini-lah tahun yang pertama pasokan hokey Daerah Brunei memperoleh perisai yang berharga itu.



Beberapa orang guru ugama kelihatan dalam gambar ini sedang mendengarkan penerangan berkenaan dengan ilmu kesehatan pada masa mereka melawat ka-Rumah Sakit Besar Brunei sa-waktu menghadiri kursus ugama baharu2 ini.



Sa-bilangan daripada anggota2 Persatuan Belia Sengkurong kelihatan dalam gambar ini bekerja membersekan kawasan Mesjid Sengkurong.



Gambar ramai pemain2 pasokan2 hokey dari Daerah2 Brunei dan Belait yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan hokey kerana menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Ketua Menteri Di-Brunei

BERAKAS. — Ketua Menteri Negeri Melaka, Persekutuan Tanah Melayu, Inche Abdul Ghafar bin Baba telah melawat ka-Negeri Brunei pada petang hari Ahad yang lalu.

Beliau telah tiba di-sini dengan kapal terbang dari Jesselton sahela melawat ka-Borneo Utara.

Sa-tiba-nya di-lapangan terbang Berakas beliau telah disambut oleh Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman; Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Abdul Aziz bin

Haji Mohd. Zain; Tuan Sheikh Azahari bin Sheikh Mahmud; Inche Awang Hapidz Laksamana; Inche Sunny bin Ahmad dari Jabatan Setia Usaha Kerajaan Brunei dan lain2-nya.

Inche Ghafar telah di-iringi oleh Engku Mohsin, Inche Kamaruddin Issa dan Inche Ahmad Sa'id.

Dalam masa lawatan ka-Brunei Ketua Menteri Melaka dan rombongan telah mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Kampong Ayer, kawasan telaga minyak di-Seria dan ka-lain2 tempat.

Sambutan Hari . Jadi D.Y.M.M.


KUALA BELAIT. — Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Kuala Belait ada-lah seperti di-bawah ini:

22 September: Mulai pukul 6 petang — Pertandingan pintu2 gerbang dan peraduan berchuchul. 7 malam — 12 tengah malam — Pasar Ria dan Anika Warna di-padang kecil Kuala Belait. 7.30 malam — 10 malam — perlumbaan "go-kart" di-padang besar Kuala Belait di-bawah sinaran lampu di-antara pasokan2 Belait/Seria dengan Miri/Lutong.

23 September: 8.30 pagi — 6 petang — perlumbaan laut di-Sungai Kuala Belait. 6 petang — Menghakhinkan pertandingan pintu gerbang dan peraduan berchuchul. 7 malam — 12 tengah malam — Pasar Ria dan Anika Warna di-padang kecil Kuala

Belait. 7.30 malam — perlawanan bola sepak di-antara pasokan2 Belait/Seria dengan Bandar Brunei di-padang besar Kuala Belait.

24 September: 4.30 petang — Istiadat Barisan Kehormatan Diraja di-padang besar Kuala Belait. 6 petang — pintu2 gerbang di-terangi dan rumah2 berchuchul. 7 malam — 12 tengah malam — Pasar Ria di-padang kecil Kuala Belait dan pesta tari menari di-dewan Kuala Belait Recreation Club. 7.30 malam — perarakan darat: 9.00 malam — 10.30 malam — permainan bunga api. 9.30 malam — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha akan menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 pertandingan pintu gerbang, peraduan berchuchul dan perarakan darat, bertempat di-dewan Kuala Belait Recreation Club.



Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un telah merasmikan pembukaan Majlis2 Meshuarat Daerah2 Brunei Tutong, Belait dan Temburong baharu2 ini. Gambar atas — Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal kelihatan pada masa ketibaan di-Dewan Majlis Meshuarat Daerah Belait untuk merasmikan pembukaan Majlis Meshuarat itu pada petang 12 September. Gambar bawah — Satu pemandangan ketika do'a selamat sedang di-bacakan di-majlis pembukaan rasmi Majlis Meshuarat Daerah Brunei pada pagi 10 Sept.

KERJA KOSONG DI-PEJABAT KEBAJIKAN MASHARAKAT

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan pembawa perahu motor sangkut di-Pejabat Kebajikan Masharakat Negeri, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-isikan di-atas borang2 yang boleh diperolehi daripada Pegawai Per-

jawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan tidak lewat dari 20 September, 1962.

Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan, hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya.



Pertandingan2 untuk merebutkan gelaran2 "Mister Brunei", dan "Miss Brunei" telah di-langsungkan di-dewan Maktab S.O.A.S., Bandar Brunei pada malam 15 September, 1962 dengan mendapat sambutan yang baik dari kalangan para peserta. Pertandingan2 itu di-adakan sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan. Hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya telah di-sampaikan oleh Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf. Keputusan2-nya ia-lah: Pertandingan "Mister Brunei" — 1. George Teo. 2. Tan Leong Ho. 3. William Yeo. Pertandingan "Junior Mister Brunei" — 1. Mohamed Sulut bin Moksin. 2. Sudin bin Abdul Rahman. 3. Mohamed Yahya. Pertandingan "Miss Brunei" — 1. Puan Catherine Loh (menyandang johan pertandingan ini pada tahun yang ke-dua berturut2). 2. Dayangku Hijanah binti Pengiran Sa'ad. 3. Puan Siti Hawa Murni. Gambar kiri ia-lah pemenang2 pertandingan "Mister Brunei", manakala gambar kanan ia-lah pemenang2 pertandingan "Miss Brunei" ia-itu di-tengah2 pemenang yang pertama, di-kanan sa-kali pemenang yang ke-dua dan di-kiri sa-kali pemenang yang ke-tiga.

Di-terbitkan oleh Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dan di-cetak di-The Brunei Press Limited, Kuala Belait.